

| TARIKH | KATEGORI | SUBJEK | MEDIA | TAJUK | MUKASURAT |
|------------|----------|--------|---------------|-------------------------------------|-----------|
| 18.05.2021 | KWP | - | BERITA HARIAN | PROGRAM SARINGAN PERCUMA WARGA KOTA | 22 |

Program saringan percuma warga kota

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur digesas contoh kerajaan Selangor

Oleh ENGU SHARIFUL AZNI

KUALA LUMPUR

Ahli-ahli Parlimen Pakatan Harapan (PH) Wilayah Persekutuan menggesa kerajaan mengadakan program saringan komuniti bersar secara percuma berikutan peningkatan mendadak kes baru positif Covid-19 di Kuala Lumpur.

Gesaan itu dibuat menerusi kenyataan bersama Tan Kok Wai (Cheras), Fong Kui Lun (Bukit Bintang), Teresa Kok (Seputeh), Datin Paduka Dr Tan

Yee Kew (Wangsa Maju) dan Lim Lip Eng (Kepong).

Turut bersama ialah Fahmi Fadzil (Lembah Pantai), Nik Nazmi Nik Ahmad (Setiawangsa), P Prabakaran (Batu) dan Hannah Yeoh (Segambut).

Menerusi kenyataan itu, mereka menggesa Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa mencontohi kerajaan negeri Selangor yang mengadakan program saringan pada 8 hingga 11 Mei lalu.

Kata mereka, program berkenaan berjaya mengesan hambar 80 peratus individu berumur 20 hingga 40 tahun yang positif Covid-19 tetapi tidak menunjukkan sebarang simptom.

"Program saringan ini juga akan dapat mengenal pasti mereka yang mungkin menjadi pembawa senyap virus Covid-19 iaitu orang yang positif tetapi tidak mempunyai sebarang simptom serta berisiko menjangkiti



NIK NAZMI

TERESA KOK

LIP ENG

HANNAH YEOH

PRABAKARAN

individu lain.

"Lebih 300 kes positif baharu sehari dicatatkan di Kuala Lumpur selama tiga hari berturut-turut bermula 14 hingga 16 Mei lalu.

"Ini sepatutnya membuka mata menteri supaya bertindak lebih agresif dan melaksanakan pendekatan baharu mengurangkan jumlah kes," menurut keadaan tersebut pada Isnin.

Menerusi kenyataan sama, ahli-ahli Parlimen berkenaan memaklumkan bahawa mereka akan membantu Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)

membuat hebahan mengenai program saringan komuniti bersasarkan kepada penduduk di kawasan Parlimen masing-masing.

Kata mereka, ia sebagai usaha mengawal penularan wabak Covid-19 serta mengurangkan jumlah kes.

Selain itu, menurut mereka, KWP juga perlu bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi membolehkan keupayaan dan fasiliti makmal hospital milik kerajaan atau mana-mana makmal yang dikhaskan untuk melakukan ujian segera dipertingkatkan.

"Ini penting untuk mengenal pasti varian baharu secara lebih berkesan dan lebih cekap serta menghasilkan keputusan dengan lebih pantas.

"Dengan peningkatan kes positif baharu dan jumlah kematian semakin tinggi setiap hari, beberapa faktor seperti jumlah kakitangan dan sukarelawan perubatan, penyediaan peralatan mencukupi, capaian internet serta lokasi sesuai perlu diambil kira oleh KKM sebelum program saringan komuniti bersasar dijalankan," kata mereka.

UJIAN
SARINGAN
COVID-19

| TARIKH | KATEGORI | SUBJEK | MEDIA | TAJUK | MUKASURAT |
|------------|----------|--------|---------------|--|-----------|
| 18.05.2021 | DBKL | - | BERITA HARIAN | POKOK RENDANG BERBAHAYA DITEBANG SECARA BERPERINGKAT | 22 |

Pokok rendang berbahaya ditebang secara berperingkat

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melaksanakan kerja-kerja penebangan 25 pokok rendang di beberapa lokasi sekitar ibu kota yang dalam keadaan berbahaya kepada orang awam secara berperingkat selama sebulan mulai Jun ini.

Kawasan terlibat termasuk Jalan Ampang, Jalan Bukit Bintang, Jalan Raja Chulan, Jalan Raja, Jalan Kinabalu dan Jalan Pinang.

Unit Media Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu kenyataan pada Isnin berkata, tujuan penebangan itu dilakukan bagi memastikan keselamatan orang awam serta berharap mendapat kerjasama daripada semua pihak memandangkan lokasinya berada di kawasan tumpuan awam.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati pokok-pokok ini berisiko termasuk telah reput pada pangkal akar dan dahannya, selain retak serta dahan mati.

"Pokok yang ditebang ini akan digantikan dengan pokok lain bergantung kepada keluasan ruang penanaman."

"Jika keluasan ruang tidak sesuai untuk penanaman pokok maka ia akan digantikan dengan tumbuhan renek," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Katanya, perancangan penanaman semula pokok di pusat bandar Kuala Lumpur dibuat berdasarkan Garis Panduan Pelan Pengurusan Pokok Rendang yang diterbitkan pada Januari 2019.



Pokok di
Jalan
Ampang
hadapan
Suria KLCC.

"Pelan ini menterjemahkan garis panduan meliputi ruang penanaman pokok tepian jalan, kaedah reka bentuk ruang penanaman, senarai cadangan pokok serta kaedah penggantian pokok.

"Ia dilakukan memandangkan penanaman pokok di kawasan bandar terdedah kepada cabaran seperti keluasan ruang penanaman yang terhad, tanah tapak yang berkualiti rendah, tanah mampat serta persaingan kepentingan terhadap struktur dan kemudahan awam sedia ada," katanya.

Katanya lagi, pelan itu juga menjadi rujukan semua agensi yang terlibat dalam mengurus pokok-pokok rendang di kawasan Kuala Lumpur.